

ARAHAN-ARAHAN BERHUBUNG DENGAN PENGENDALIAN KES SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

1. PENDAHULUAN

Arahan-arahan berhubung dengan pengendalian kes semasa tempoh PKP adalah dikeluarkan oleh YAA Ketua Hakim Negara menurut seksyen 16A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*] dan seksyen 3A Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*] yang telah diubah suai melalui Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) 2020 [*Akta 829*].

2. PEMAKAIAN

Arahan-arahan ini terpakai bagi Mahkamah-Mahkamah di negeri-negeri di bawah PKP.

3. PENGENDALIAN KES SIVIL

(a) Permohonan Perakuan Segera

- (i) Bagi permohonan perakuan segera di Mahkamah Persekutuan, Timbalan Kanan Pendaftar / Timbalan Pendaftar akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada YAA Ketua Hakim Negara;
- (ii) Bagi permohonan perakuan segera di Mahkamah Rayuan, Pendaftar Mahkamah Rayuan / Timbalan Kanan Pendaftar akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada YAA Presiden Mahkamah Rayuan;

- (iii) Bagi permohonan perakuan segera di Mahkamah Tinggi, Timbalan Pendaftar (Pentadbiran / Pengurus) atau Penolong Kanan Pendaftar (Pentadbiran / Pengurus) akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman yang bertugas; dan
- (iv) Bagi permohonan perakuan segera di Mahkamah Sesyen, Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah akan mengendalikan dokumen perakuan segera dan mendapatkan arahan selanjutnya daripada Pengarah Mahkamah Negeri.

(b) **Pemfailan dan Pengurusan Kes**

- (i) Bagi Mahkamah yang menggunakan sistem e-Kehakiman, pemfailan kes-kes baharu / notis rayuan dan dokumen-dokumen adalah melalui sistem e-Filing. Bagi Mahkamah yang masih belum mempunyai sistem e-Filing, pemfailan kes-kes baharu dan dokumen-dokumen akan dilaksanakan secara fizikal. Bagi kes-kes yang memerlukan kesegeraan, pemfailan boleh dibuat di mahkamah berdekatan yang mempunyai sistem e-Kehakiman di negeri berkenaan; dan
- (ii) Pengurusan kes akan dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

(c) **Perbicaraan atau Pendengaran Kes**

- (i) Bagi perbicaraan atau pendengaran kes sivil, Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021 mengenai Pengendalian Prosiding Kes Sivil Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh Bagi Mahkamah Di Seluruh Malaysia (sesalinan dilampirkan) yang telah diedarkan oleh Pejabat ini melalui e-mel bertarikh 8 Januari 2021 adalah terpakai; dan

- (ii) Bagi Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret, pengendalian kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah dijalankan dari kediaman masing-masing.

4. PENGENDALIAN KES JENAYAH

(a) **Pengurusan Kes**

- (i) Pengurusan kes di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan akan dijalankan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh iaitu melalui platform sidang video dan e-mel; dan
- (ii) Pengurusan kes di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret boleh dibuat menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh atas persetujuan pihak-pihak.

(b) **Permohonan Reman**

Permohonan reman di bawah seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 akan dijalankan seperti biasa mengikut jadual bertugas yang telah ditetapkan manakala pelanjutan reman di bawah seksyen 259 KTJ akan dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

(c) **Pendaftaran Kes-Kes Baharu**

Bagi pendaftaran kes baharu, Pegawai Penyiasat hendaklah memaklumkan lebih awal kepada Mahkamah bagi tujuan persediaan dan tarikh sebutan yang seterusnya hendaklah ditetapkan selepas tamat tempoh PKP.

(d) **Permohonan Jamin**

Bagi kesalahan yang boleh dijamin, Pengarah Mahkamah Negeri hendaklah memastikan urusan jamin dapat diproses seperti biasa dan penggunaan sistem e-Jamin adalah digalakkan.

(e) **Perbicaraan atau Pendengaran Kes**

Semua perbicaraan atau pendengaran kes di Mahkamah terbuka sepanjang tempoh **13 Januari 2021 hingga 26 Januari 2021** adalah ditangguhkan dan penetapan tarikh perbicaraan atau pendengaran yang baharu akan dimaklumkan kemudian. Dalam keadaan kes-kes yang mendesak, persetujuan YAA Hakim Besar Malaya atau YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak untuk menjalankan perbicaraan atau pendengaran kes di Mahkamah terbuka hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

5. PEMBATALAN

Semua arahan berhubung dengan pengendalian kes di Mahkamah seluruh Malaysia semasa tempoh PKP yang telah dikeluarkan oleh Pejabat ini bermula daripada 18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020 adalah terbatal.

**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN**

12 Januari 2021